

SULTAN ABDUL SAMAD

oleh

Mohd. Amin Hassan

Tahun-tahun 1867 hingga 1873 merupakan satu jangka waktu yang amat bergelora bagi Negeri Selangor; seolah-olah Negeri Selangor tidak mempunyai pemerintah; walhal raja yang memerintah pada masa itu ialah Yang Dipertuan Sultan Abdul Samad ibni Raja Abdullah. Jika dikaji sejarah kehidupan Sultan Abdul Samad, akan jelaslah kelak mengapa baginda tiada membuat sesuatu untuk memberhentikan pergolakan yang sedang bergelora itu. Lembaran sejarah hidupnya bolehlah dibahagikan kepada tiga peringkat: (a) Peringkat Sebelum 1867, (b) Peringkat tahun-tahun 1867 hingga 1873, dan (c) Peringkat Selepas tahun 1873.

(a) PERINGKAT SEBELUM 1867

Abdul Samad ialah putera Raja Abdullah, dan anak saudara kepada Yang Di Pertuan Sultan Muhammad, sultan yang ketiga memerintah Negeri Selangor. Sungguhpun tarikh beliau dilahirkan tiada disebut dengan jelasnya, bolehlah dianggarkan bahawa beliau telah dilahirkan kira-kira dalam tahun 1805. Butir-butir lanjut mengenai masa kecilnya tidak diketahui, tetapi yang sudah pasti ialah kenyataan bahawa beliaulah salah seorang anak raja Selangor yang telah bertanggungjawab melantik putera bongsu Sultan Muhammad, Raja Mahmud sebagai Raja Muda dan bakal Sultan yang memerintah Negeri Selangor.

Selepas itu Abdul Samad telah mengahwini Raja Arfah, puteri Sultan Muhammad juga. Beliau telah dianugerahkan surat kuasa ke atas lembah Sungai Selangor, dan bergelar Tengku Panglima Raja, satu jawatan yang hampir-hampir sama dengan Ketua Turus Angkatan Tentera kita sekarang ini.

Mengikut cerita-cerita yang didengar, semasa beliau menjadi Tengku Panglima Raja inilah kononnya beliau pernah membunuh seramai Sembilan puluh Sembilan orang musuh, dan ini menyebabkan beliau amat ditakuti oleh rakyat Negeri Selangor. Selain dari kegagahannya ini, beliau juga amat berminat dalam perniagaan. Umpamanya, setelah melihat kejayaan-kejayaan lombong bijih timah di Lukut, beliau juga telah menggalakkan pelombongan-pelombongan Cina supaya datang berlombong di Kanching. Banyak wangnya telah ditanamkan dalam usaha Perlombongan itu, terutama sekali di Hulu Sungai Selangor.

Pada 6hb. Januari, 1857, Sultan Muhammad telah mangkat, dan di atas nasihat Raja Jumaat dari Lukut, pembesar yang terulung sekali di Selangor pada masa itu, Abdul Samad telah dilantik untuk menaiki takhta kerajaan Selangor, sebagai mengganti tempat bapa saudaranya itu. Perlantikan ini dibuat kerana Raja Muda, Raja Mahmud, masih kecil dan belum dewasa lagi. Sungguhpun perlantikan ini tidak sebulat suara,

... semenjak orang putih sudah berada di negerinya ia tidak lagi berasa nyawanya terancham di hari upachara mengadap raja; akan tetapi dimasa lampau ... dia sentiasa sahaja menyangkakan bahawa salah seorang pembesar yang datang mengadapnya akan mengambil kesempatan untuk membunuhnya.²

Sultan Abdul Samad tidak terlibat terus-menerus di dalam Perang Kelang itu. Ada beberapa sebab yang telah dikemukakan. Gullick telah mengatakan bahawa ini ialah disebabkan mengikut teori sistem politik Melayu, Sultan tidaklah dijangkakan turun berperang sendiri, walaupun untuk mematahkan suatu pemberontakan.³ Swettenham pula berpendapat bahawa sebabnya yang sebenar ialah Sultan Abdul Samad amat takut dengan Raja Mahdi dan rakan-rakannya. Kononnya jika baginda mengambil tindakan yang tegas terhadap Raja Mahdi dan rakan-rakannya, nyawa baginda serta keluarga baginda akan berada di dalam bahaya besar.⁴ Pada pendapat saya ada beberapa sebab lain yang lebih menasabah mengapa Sultan Abdul Samad tidak mengambil sebarang tindakan yang tegas untuk menamatkan persengketaan yang sedang mengurangkan bilangan penduduk-penduduk di Negeri Selangor itu. Sebab yang pertama ialah kerana Sultan Abdul Samad tidak mempunyai pendirian yang tetap terhadap kedua-dua pihak, kerana baginda mempunyai pertalian darah dengan ketua kedua-dua pihak itu. Di satu pihak ialah Raja Abdullah, anaknya Raja Ismail, dan akhir-akhirnya Tengku Kudin, menantu Sultan Abdul Samad sendiri; manakala di pihak yang lagi satu pula ialah anak saudaranya dan beberapa orang saudaranya yang lain, termasuk putera-puteranya sendiri. Sebab yang kedua ialah kerana Perang

Kelang itu menambahkan lagi pendapat cukainya, disebabkan sebarang sekatan yang dikenakan ke atas lalulintas di Sungai Kelang oleh mana-mana pihak akan mengakibatkan lebih banyak lalulintas dan bijih menggunakan Sungai Langat, dan ini bermakna pengutipan cukai yang bertambah di Pengkalan Batu, yang terletak di bawah kekuasaan Sultan Abdul Samad sendiri.⁵

Memandangkan hal yang demikian ini, mata tidak hairanlah mengapa Sultan Abdul Samad tidak melibatkan dirinya terus-menerus untuk menyelesaikan persengketaan itu; dan disebaliknya pula baginda telah melantik menantunya Tengku Kudin, sebagai orang tengah untuk menyelesaikannya. Tengku Kudin tidaklah dititah oleh baginda terus-menerus untuk menyelesaikan persengketaan itu, tetapi sebaliknya pula, selepas perkahwinannya dengan Raja Arfah, puteri Sultan Abdul Samad, beliau telah dilantik menjadi wakil mutlak Sultan Abdul Samad, dan diberikan suatu surat kuasa. Surat kuasa itu memberikan kebebasan kepada Tengku Kudin untuk mengambil sebarang tindakan yang difikirkan perlu ter-

2. E. Innes. *The Chersonese with the Gilding off*, Vol. 1., London, 1885, halaman 43.
3. J.M. Gullick, 'A Careless Heathen Philosopher?' dalam *Journal, Malayan Branch, Royal Asiatic Society*, Vol. 26, Pt. 1, 1953, halaman 90. Semasa di zaman Kegemilangan Melaka dahulu Sultan Ahmad sendiri yang mengetui orang-orang Melaka menentang Portugis di tahun 1511. Lihat Shellbear, *Sejarah Melayu*, halaman 274.
4. F.A. Swettenham, 'Independent Native States of the Malay Peninsular' dalam *Journal, Straits Branch, Royal Asiatic Society*, Vol. 5, Jun, 1880, halaman 173.
5. Colonial Office Records, 273/94, Robinson to Hicks-Beach, 18.6.1872, Enclosure 2.

hadap semua pembesar-pembesar yang membuat kekecohan, termasuk Raja Mahdi dan rakan-rakannya, dalam hasratnya hendak mentadbir, menjalankan keadilan dan memajukan Negeri Selangor itu. Akan tetapi apabila usaha-usaha Tengku Kudin untuk menyelesaikan persengketaan itu tidak diterima oleh Raja Mahdi, maka Tengku Kudin telah menyebelahi pihak Raja Ismail (yang telah menjadi ketua setelah bapanya Raja Abdullah mati), untuk menentangi Raja Mahdi. Namun demikian sebagai Sultan yang memerintah, Abdul Samad tidaklah boleh benar-benar bebas daripada didatangi oleh ketua kedua-dua pihak yang bergilir-gilir mengadap baginda untuk membuat pengaduan tentang apa yang telah dilakukan oleh pihak lawannya itu, serta memohon bukti sokongan yang kukuh baginda terhadap perjuangan mereka masing-masing itu dalam bentuk wang ringgit, makanan, atau alat senjata dan ubat bedil. Dan kepada semua yang datang menjumpainya baginda selalu sahaja memberikan hadiah seolah-olah menunjukkan tanda persetujuannya terhadap perjuangan mereka. Dengan demikian semua pihak telah mengatakan bahawa mereka bertindak atas nama dan kuasa Sultan. Tetapi apa yang Sebenarnya berlaku ialah apabila satu-satu pihak itu datang berjumpa dengannya dan mengadu dengan keterangan yang panjang lebar, demi untuk memendekkan perbincangan agar mereka akan berundur dengan segera, baginda telah berkata 'Benar, benar', yang bermakssud benar daripada pandangan mereka dan bukannya daripada pandangan baginda.⁶ Sikapnya terhadap persengketaan itu tersimpul di dalam kata-katanya

فِرَاسَتُوْنَانِ سِجَارَهِ مَالِيْسِيَا
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA

kepada Raja Mahdi dan Raja Ismail, iaitu, 'Kamu berdua masih muda dan bolehlah menyelesaikannya dengan berlawan'.⁷

Sekarang eloklah kita tinjau sedikit mengenai perhubungan di antara Sultan Abdul Samad dengan ketua-ketua pasukan yang bersengketa itu. Pada mulanya baginda tidak berasa murka terhadap tindakan Raja Mahdi untuk menuntut Kelang sebagai haknya. Akan tetapi setelah Perang Kelang bermula kira-kira satu tahun dan Raja Mahdi berjaya menduduki Kelang, Raja Mahdi enggan memberikan \$500/- kepada Sultan sebagaimana yang pernah dan lazim dilakukan oleh pembesar-pembesar daerah dahulu. Ini menyebabkan Abdul Samad memutuskan pertunangan puterinya Raja Arfah dengan Raja Mahdi, dan sebaliknya pula mengahwinkan Raja Arfah itu dengan Tengku Kudin dari Kedah. Perasaan mesra yang ada pada Abdul Samad terhadap Raja Mahdi itu kini bertukar menjadi satu perasaan murka dan bermusuhan. Ini telah dipertambahkan lagi kemudiannya dengan tindakan Raja Mahdi tidak mahu menerima Tengku Kudin sebagai wakil mutlak Sultan Abdul Samad, serta dengan keengganannya menerima pencen sebanyak \$350/- sebulan yang ditawarkan oleh kerajaan Selangor supaya Raja Mahdi berhenti dari pada meneruskan persengketaan. Sementara itu Sultan Abdul Samad berada dalam keadaan serba salah mengenai kedudukan wakil mutlaknya Tengku Kudin. Baginda tidak

-
6. F.A.' Swettenham, **British Malaya**, London, 1955, halaman 128.
 7. R.J. Wilkinson, **A History of the Peninsular Malays**, Singapore, 1923, halaman 162.

boleh memberikan sokongan yang tegas dan terus-menerus kepadanya kerana ini akan membawakan bangkangan yang hebat dari pengikut-pengikut dan putera-puteranya sendiri yang bersikap menentang Tengku Kudin yang mereka anggap sebagai anak dagang itu. Kenyataan ini telah diakui oleh Tengku Kudin sendiri kemudiannya bahawa beliau tidak berani pergi mengadap Sultan di Kuala Langat tanpa diiringi oleh sekurang-kurangnya 200 orang pengiring-pengiringnya.⁸ Dengan hal demikian, perundingan di antara Tengku Kudin dan Sultan Abdul Samad semasa Perang Kelang itu amat sedikit sekali; dan tindakan Abdul Samad untuk tiada memberikan sokongan yang tegas kepada Tengku Kudin merupakan satu langkah yang bijak. Akan tetapi atas desakan dan tekanan pihak British, Sultan Abdul Samad akhirnya terpaksa mengesahkan kedudukan Tengku Kudin sebagai wakil mutlaknya. Sungguhpun demikian, apabila Tengku Kudin menyekat pergerakan sebarang lalulintas di Sungai Langat dalam usahanya untuk melemahkan Raja Mahdi, Abdul Samad telah membuat bantahan yang keras kepada pihak British kerana perbuatan yang demikian hanya merosakkan perdagangan dan mengurangkan bahan-bahan makanan di Langat sendiri. Dan lagi mengikut rekod-rekod British, perhubungan di antara Sultan Abdul Samad dan Tengku Kudin tidaklah bagitu rapat dan erat, walaupun baginda telah meluluskan pernbayaran pencen dan sagu hati yang lumayan kepada Tengku Kudin apabila beliau meletakkan jawatannya sebagai Wakil Mutlak dan

Presiden Majlis Negeri pada tahun 1879.

(c) PERINGKAT SELEPAS 1873

Di akhir-akhir Perang Kelang itu beberapa penyerangan telah dilakukan ke atas kapal perdagangan British, di antaranya ialah Peristiwa Rinaldo dan Peristiwa di Kuala Langat. Akibatnya ialah perlantikan seorang pegawai British yang berjawatan Penolong Residen di pertengahan tahun 1874, bertempat di Kuala Langat. Perlantikan ini telah memperkuatkan dan mengekalkan kedudukan Sultan dan juga wakilnya sendiri. Sultan Abdul Samad terlalu berbesar hati dengan perlantikan ini hingga baginda sanggup menitahkan supaya pegawai British ini, F.A. Swettenham, dibayar \$1000/- sebulan daripada hasil kerajaan Negeri Selangor. Dengan ini bermulalah satu sistem pentadbiran yang bercorak British, dengan sistem pungutan cukai yang teratur; dan ini tentulah telah menambahkan kepuasan kepada Sultan Abdul Samad sendiri. Baginda sekarang dapat hidup bebas, tanpa sebarang gangguan, ketakutan dan kecemasan, hinggakan baginda berasa yakin untuk keluar dari rumah kotanya dan tinggal di Bukit Parcelar pula.

Di dalam jangka waktu sepuluh tahun pertama pentadbiran British di Selangor, Sultan Abdul Samad tidak memainkan peranan yang penting sebagai pemerintah, segala-galanya dijalankan oleh Tengku Kudin, selaku wakilnya dan ketua pentadbir di negeri itu. Umpamanya Tengku Kudinlah yang menjadi Presiden apabila Majlis

8. J.M. Gullick, 'A Careless Heathen Philosopher' op. cit., halaman 90.

Negeri ditubuhkan pada tahun 1877, dan bukannya Abdul Samad. Akan tetapi pada praktiknya pula, kedudukan Tengku Kudin adalah lemah, kerana Residen Douglas selalu sahaja mengenepikan beliau dan kerapkali pula berunding dengan Sultan Abdul Samad sendiri di Jugra. Keadaan ini menyebabkan perasaan hampa dan bosan timbul pada diri Tengku Kudin, hingga menyebabkan beliau meletakkan jawatannya sebagai Presiden Majlis Negeri, dan juga sebagai wakil mutlak Sultan pada bulan Mac 1879. Selepas ini baharulah Abdul Samad menunjukkan minatnya di dalam pentadbiran dan pemerintahan Negeri Selangor. Umpamanya selepas kematian Raja Muda Musa, yang menjadi Presiden Majlis Negeri menggantikan Tengku Kudin itu, Abdul Samad pula telah menjadi Presiden Majlis Negeri itu. Dan Sungguhpun usianya sudah meningkat Sembilan puluh, baginda masih lagi mempengaruhi semua mesyuarat Majlis Negeri yang telah diadakan di Jugra. Baginda menunjukkan minat yang besar di dalam hal-hal yang bersangkutan dengan undang-undang tanah dan kemajuan negeri. Sultan Abdul Samad juga turut hadir di majlis Upacara peresmian Keretapi Negeri Selangor di tahun 1886; baginda juga pergi hingga ke Kuala Kangsar untuk menghadiri mesyuarat pertama Majlis Raja-raja Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1897.

Sultan Abdul Samad juga merupakan seorang raja yang kaya; konon-kononnya baginda mempunyai simpanan bijih timah yang banyak, melebihi nilai \$20,000/- pada satu-satu masa. Setengah daripada kekayaannya ini telah diguna-

kan untuk membuka lombong-lombong baru di Ulu Langat dalam tahun-tahun 1880an; menanam modal dalam sebuah ladang ubi kayu yang dianjurkan oleh Yap Ah Loy. Malahan baginda memanglah merupakan seorang yang amat berminat di dalam hal-hal pertanian. Baginda pernah menanam sagu, kopi, padi dan pokok buah-buahan di atas tanah-tanahnya di Sekitar Jugra. Di samping itu baginda juga berminat di dalam hal pertukangan tangan dan kayu.

Mengikut James Innes, pada tahun-tahun 1880an, kerapkali beliau menemui Sultan Abdul Samad bercelapak di atas sebuah bangku dan sedang asyik bertukang tanpa menghiraukan usianya yang sudah agak lanjut itu.⁹ Baginda mempunyai falsafah hidup yang jelas dilihat daripada satu cerita mengenai seorang yang luka parah yang diusung di hadapan istananya. Setelah diberitahu mengapa orang itu diusung, baginda telah berkata, 'Jika dia luka, ubatkanlah dia; jika dia mati tanamkanlah dia.'¹⁰ Ada pula cerita-cerita yang membandingkan baginda sebagai seorang bapa dengan pengikut-pengikutnya; di suatu ketika baginda telah membayar upah membaiki mesen jahit Raja Chee, dan membelikan kereta sorong bayi, untuk puteri Raja Chee itu. Baginda juga selalu membelikan pakaian-pakaian baru kepada kanak-kanak pengikutnya, dan sikap kebapaannya ini lebih jelas dilihat dalam kata-katanya mengenai elauan bagi keluarga Allah-

9. E. Ihnes, *The Golden Chersonese With the Gilding Off*, Vol. 1, London 1885, halaman 38.

10. F.A. Swettenham, *Malay Sketches*, London, 1895, halaman 68.

yarham Raja Endut Bernam. Kata-naya:

Shahdan lagi seperti anak-anaknya itu lagi kecil-kecil betapakah hal ia memnhari naik jika tidak dengan pertolongan kita.¹¹

Sultan Abdul Samad telah dikatakan sebagai seorang penagih cанду, dan oleh itu baginda dikatakan oleh setengah-setengah penulis barat sebagai seorang yang pemalas dan bodoh sekali. Ini tidaklah benar kerana beberapa orang pegawai British yang sempat bertemu dengannya berasa terperanjat dan hairan tentang keadaan yang Sebenarnya, iaitu dengan kecerdikan dan kepintaran baginda itu. Di antara pegawai-pegawai British itu ialah Braddell, yang telah melawat Selangor pada tahun 1874. Braddell telah menulis bahawa:

Sultan Abdul Samad telah banyak digambar-kан sebagai seorang penghisap chandu yang lemah dan usang, yang tiada mengambil berat tentang kepentingan negerinya; tetapi rupanya beliau ialah seorang lelaki yang bersopan santun, berumur di antara 55 hingga 60 tahun; seorang penghisap chandu, tetapi bukannya hingga keterlaluan dan menjadi penagih, beliau mempunyai fikiran yang waras dan tajam, dan berkebolehan untuk menyelenggarakan urusan-urusannya sendiri 12

Sebagai kesimpulannya, boleh-lah dikatakan bahawa Sultan Abdul Samad ialah seorang pemerintah

yang amat pintar sekali, seperti yang telah dibuktikannya di masa Perang Kelang; beliau mempunyai kebolehan-kebolehan tertentu untuk menyelenggarakan Negeri Selangor dengan caranya yang tersendiri. Baginda telah mangkat pada pukul 11.00 pagi, 6hb. Februari 1898; dan ini telah disambut oleh rakyat dan rakan-rakannya dengan perasaan terharu sekali. Taligram-taligram ucapan takziah telah mencurah-curah datang ke Kuala Lumpur, termasuk juga dari Setiausaha Tanah Jajahan British, dan Ratu Inggeris sendiri. Perlu diingatkan di sini bahawa baginda telah dianugerahkan dengan bintang K.C.M.G. oleh Ratu Inggeris kerana minatnya terhadap kebajikan dan kepentingan rakyat di Selangor ini. Kematian baginda merupakan suatu kehilangan besar, bukan sahaja kepada Negeri Selangor, bahkan juga kepada pegawai-pegawai British di Negeri-Negeri Melayu ini.

-
11. Selangor Secretariat Files, Nat. 6862/1892.
 12. **Government Papers Relating to the Malay Peninsula**, Continuation of a Report of a Visit to Selangor and Perak in March and April, 1874 by T. Braddell.

